

Newspaper	Berita Harian
Date	20/8/2013

Belum cadang swasta MAS

BH-20/8/2013

» Jumlah kerugian makin kurang: PM

Oleh Magendran Rajagopal dan Haika Khazi

bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan belum ber-cadang menjual atau menswastakan Penerbangan Malaysia (MAS) seperti dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata MAS adalah aset kepentingan awam yang dikuasai Khazanah Nasional Berhad dengan pentadbiran dan pengurusannya dilaksanakan mengikut amalan tadbir urus baik seperti syarikat komersial lain.

Katanya, walaupun kerugian, pelan pemulihannya sudah mula berhasil dan ada petanda positif dengan jumlah kerugian makin berkurangan.

Pantau perjalanan MAS

“Jadi, dengan trend mengalakkan ini, kita akan memantau perjalanan MAS supaya kedudukan kewangan dan pencapaiannya menjadi semakin baik berasaskan pelan pemulihan dan langkah yang boleh dilakukan untuk memperkuatkan prestasinya.

“Pelan pemulihan MAS memang berterusan dan tidak boleh berlaku secara mengejut atau dalam tempoh satu malam saja. Jika kita mahu memulihkan mana-mana badan korporat atau syarikat perniagaan pun akan mengambil masa panjang.

“Apa yang penting adalah



Najib sambil diiring Ahmad Husni (kiri), bersalaman dengan kakitangan Kementerian Kewangan pada sambutan Aidilfitri Kementerian itu di Putrajaya, semalam.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

trend di mana jumlah kerugian semakin menguncup atau semakin berkurangan,” katanya pada sidang media selepas majlis rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Hadir sama, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Semalam, akhbar melaporkan Dr Mahathir mengesyorkan MAS diswastakan dalam usaha membangunkan semula syarikat penerbangan berkaitan kerajaan itu, sekali gus mengatasi kerugian yang dialami ketika ini.

Dr Mahathir berkata, MAS sudah lama beroperasi dan be-

berapa kali melalui pelan pemulihan selain pelbagai percubaan untuk kembali menjaga keuntungan, namun gagal.

Justeru, Dr Mahathir berkata beliau percaya penswastakan adalah sesuatu yang positif kerana selagi syarikat berkaitan kerajaan, haknya untuk membuat keputusan

adalah terhad.

Mampu raih keuntungan

Bagaimanapun, Najib yakin pelan pemulihan yang dirangka untuk MAS berupaya meletakkan semula syarikat penerbangan itu sebagai entiti yang mampu meraih keuntungan tidak lama lagi.

“Kita juga perlu mengambil kira situasi dan keadaan industri penerbangan global yang semakin mencabar, manakala masalah sekarang tidaklah tertumpu kepada MAS saja. Sebaliknya, semua syarikat penerbangan di dunia menghadapi persaingan sengit dalam keadaan ekonomi yang begitu mencabar,” katanya.

Ditanya tempoh pemulihan MAS, Najib berkata walaupun tiada jangka masa ditetapkan, ia sentiasa dipantau dan diharapkan menunjukkan perkembangan dalam masa terdekat.

“**Pelan pemulihan MAS memang berterusan dan tidak boleh berlaku secara mengejut atau dalam tempoh satu malam saja**”

Najib Razak,
Perdana Menteri